



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

## **MENCARI MODEL FILEM KOMEDI MODEN MALAYSIA**

**Oliver Anak Francis During**

PN  
1995.9  
C55  
048  
2006

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Sinematografi)  
2006**



# MENCARI MODEL FILEM KOMEDI MODEN MALAYSIA

OLIVER ANAK FRANCIS DURING

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Sinematografi)

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN**

**JUDUL:** MENCARI MODEL FILEM KOMEDI MODEN MALAYSIA

**SESI PENGAJIAN : 2003/2004**

**Saya** OLIVER ANAK FRANCIS DURING

Mengaku membenarkan tesis/Laporan\* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai pertukaran bahan antara institusi pengajian tinggi
5. \*sila tandakan

**SULIT**

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan dimana di mana penyelidikan dijalankan)


**TIDAK TERHAD**



Tandatangan Penulis

Tarikh: 12 MEI, 2006

Alamat Tetap:  
276, Taman B.D.C Stampin,  
Lorong B-4A,  
93350 Kuching,  
Sarawak.


Disahkan  
  
Tandatangan Penyelia  
Tarikh: Abdil Rizal Dim 12/6/06  
Lecturer  
Cinematography Program  
Fakulty of Applied and Creative Arts  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Catatan: \* Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\* Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk ‘**Mencari Model Filem Komedi Moden Malaysia**’ telah disediakan oleh **Oliver Anak Francis During** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Sinematografi**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

  
(Encik Abdul Riezel Dim)  
12/05/06  
**Abdul Riezel Dim**  
Lecturer  
Cinematography Program  
Faculty of Applied and Creative Arts  
**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

## **Penghargaan**

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa individu yang telah banyak menolong dalam menjayakan kajian projek ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada para tenaga pengajar dan juruteknik dari Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif terutamanya daripada program Sinematografi; Encik Greg Wee Lik Hoo, Encik Abdul Riezal Dim, Encik Fazmi Hisyam, Puan Candida Jau, Cik Teo Miaw Lee dan Encik Abdul Razak Ahmad, yang banyak memberi bimbingan, sokongan moral dan tunjuk ajar sepanjang pembelajaran saya di UNIMAS.

Tidak lupa juga kepada mereka yang terlibat dalam pembikinan projek akhir seperti saudara-mara di Kampung Apar, Singhai, para pelakon dan rakan-rakan kru yang sudi menabur masa untuk bersama-sama menolong menghabiskan produksi projek Mr. Starring.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada mereka lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses menghasilkan tugas ini.

Sekian, terima kasih.

**Abstrak .....** .....i

**Abstract .....** .....ii

**Bab 1 : Pengenalan**

1.1 Apa itu komedi? .....	1-2
1.2 Penyataan Masalah .....	3
1.3 Hipotesis .....	4
1.4 Objektif .....	4
1.5 Metodologi .....	4

**Bab 2 : Jenis-Jenis Komedi**

2.1 Slapstik .....	5
2.2 Deadpan .....	5
2.3 Komedi Verbal .....	6
2.4 Screwball .....	6
2.5 Black/Dark Comedy .....	6-7
2.6 Parody atau Spoof .....	7
2.7 Bentuk Filem Komedi P.Ramlee .....	7
2.7.1 Slapstik dan Keganasan .....	7-8
2.7.2 Ghaib dan Surrealisme .....	8
2.7.3 Mengajuk dan Mengejek (Spoof) .....	8
2.7.4 Mimik dan Bahasa Pergerakan Badan .....	8-9
2.7.5 Jenaka dan Perwatakan .....	9

2.8 Kesimpulan Filem Komedi P.Ramlee .....	9
2.9 Filem Komedi Moden Malaysia .....	10-11

### **Bab 3 : Analisis Filem**

3.1 Analisa Filem Komedi Hollywood: Dumb and Dumber .....	12-13
3.2 Analisa Filem Komedi Seniman Bujang Lapok .....	14-16
3.3 Analisa Filem Komedi Buli .....	17-18
3.4 Rumusan Ciri-Ciri Elemen Komedi Analisis Ketiga-tiga Filem .....	19-20

### **Bab 4 : Analisis Filem Mr.Starring .....**21-24

### **Bibliografi**

### **Lampiran**

## **Abstrak**

Kajian ini adalah untuk mencari model filem komedi moden terbaik untuk audien Malaysia dengan menganalisa aspek visual komedi dalam filem-filem komedi moden Malaysia. Dengan menonton dan membuat analisa beberapa filem-filem komedi Holywood, filem P.Ramlee dan juga filem Buli saya dapat membandingkan persamaan dan perbezaan visual komedi yang disampaikan untuk menentukan jenis filem komedi moden Malaysia yang baik contohnya dari aspek penggunaan dialog, teknik kamera dan editing filem.

## **Abstract**

*This research focuses on finding a model of modern Malaysian comedy film. Through watching, analyzing and comparing Hollywood films, P.Ramlee films moreover Malaysian comedy film entitle Buli: The researcher intend to summarize the aspects of visual comedy to determine the best type of modern Malaysian comedy films which restrain the implementations of dialogues, camera techniques and film editing.*

## BAB 1: Pengenalan

### 1.1 Apa itu komedi?

Komedi ialah suatu pertunjukan sandiwara atau lakonan yang perbuatannya berpura-pura atau perlakuan yang dibuat-buat bertujuan untuk menghiburkan penonton. Berasal daripada perkataan *Greek* yang bermaksud “*festive song*” iaitu lagu festival, ia lebih merujuk kepada perayaan tarian, sosial atau perkahwinan. Tetapi, pada masa sekarang, genre komedi merujuk lebih kepada aksi dramatik yang berunsurkan ketawa. Bentuk komedi membentuk situasi yang pelik, bahasa, aksi dan karektor pelakon. Ia memperlihatkan keadaan kehidupan yang riang ataupun cara melepaskan ketidakpuasan kehidupan dan bergerak sebagai suatu *escapism* untuk orang ramai. Filem komedi adalah antara filem paling awal dibuat. Dahulunya, filem komedi pada era zaman *Silent* lebih tertumpu kepada komedi berbentuk fizikal. Kemudiannya, setelah teknologi bunyi diperkenalkan, filem komedi berkembang kepada filem komedi bahasa atau verbal. Antara elemen komedi dalam filem adalah slapstik, mengajuk, mimik dan bahasa pergerakan badan, perwatakan jenaka dan sifat surrealisme.

Komedi biasanya mempunyai dua format iaitu komedi secara jenaka atau bersketsa dan komedi situasi iaitu penceritaan yang berbentuk penceritaan bernaratif. Kedua-dua format komedi ini boleh disatukan bersama dalam filem untuk membentuk genre filem komedi seperti komedi-muzikal, komedi-seram, komedi-romantik dan komedi-remaja. Merujuk kepada filem Hollywood, terdapat pelbagai jenis bentuk komedi seperti Slapstik, *Deadpan*, Komedi *Verbal*, *Screwball*, komedi *Black/Dark*, *Parody* atau *Spoof*.

Terdapat pelbagai jenis filem komedi di Malaysia. Bermula pada era gemilang filem Melayu di Jalan Ampas dahulu sehingga era filem komedi 70an sehingga ke hari ini, filem komedi Malaysia mempunyai corak pelbagai.

Filem komedi P.Ramlee dianggap filem komedi Malaysia paling berjaya dan senang diterima oleh penonton. Dari segi strukturnya, filem-filem komedi P.Ramlee merangkumi aspek rencam (*sophisticated*), *farce*, fantasi dan realiti. Rencam bercirikan isu-isu perhubungan suami-isteri, perkahwinan, penceraian dan darjah berbeza. *Farce* pula adalah elemen komedi untuk menghibur penonton supaya ketawa berterusan tanpa dihalang. Komedi ini kurang kandungan intelektual atau kepentingan simboliknya dan tidak mementingkan maksud, persoalan atau mesej. Fantasi lebih menjurus kepada cerita yang kejadiannya tidak normal dan tidak benar iaitu surrealisme. Realiti dalam filem merujuk kepada keadaan dunia yang sebenar di mana manusia atau watak bersikap seperti biasa dalam kehidupan seharian. Dalam kata lain, filem komedi P.Ramlee menerapkan elemen komedi slapstik, mengajuk, mimik dan bahasa pergerakan badan, perwatakan jenaka dan sifat surrealisme dalam filem beliau.

Filem komedi P.Ramlee seperti siri Bujang Lapok contohnya mempunyai kelebihan berbanding filem-filem komedi yang lain pada masa itu dari segi stail dan teknik pengolahan filem. Tetapi filem beliau mempunyai persamaan dengan filem-filem komedi Hollywood dahulu dan sekarang. Bagaimana pula hari ini? Adakah filem-filem komedi Malaysia sekarang mempunyai ciri-ciri persamaan dengan *standard* filem P.Ramlee dan Hollywood?

Filem seperti Buli, Pontianak Menjerit, Senario XX menampakkan ciri-ciri kualiti seperti filem P.Ramlee dan Hollywood. Jadi, adalah perlu untuk mencari model filem komedi Malaysia pada hari ini. Kajian ini bertujuan untuk menganalisa filem komedi Malaysia kini untuk menentukan jika ia boleh dijadikan model filem komedi moden berdasarkan elemen visual komedi seperti filem komedi P.Ramlee dan Hollywood.

## **1.2 Penyataan Masalah**

Filem komedi P.Ramlee sering popular dan lebih melangkah ke hadapan kerana telah memenangi beberapa anugerah di peringkat antarabangsa. Tetapi adakah styl filem komedi P.Ramlee sebenarnya tulen dan tidak mengikut mana-mana filem komedi lain? Ada kemungkinankah P.Ramlee mengaplikasi teknik komedi Hollywood dalam filem komedi beliau?

Adalah penting untuk memahami bagaimana sebuah filem komedi yang baik dibuat. Filem komedi P.Ramlee adalah sesuai untuk pasaran Malaysia. Tetapi bagaimana pula dengan hari ini? Pelbagai filem-filem komedi di Malaysia sekarang seperti Buli, Pontianak Menjerit, Senario XX dan lain-lain lagi tetapi adakah ia sama atau lebih menonjol dari segi styl dan teknik pengolahan cerita yang dibuat dengan menggabungkan elemen visual komedi; komedi slapstik, dialog bijak, perkara tak logik yang melucukan (surrealisme), mengajuk dan mengejek mimik dan bahasa pergerakan badan. Adakah ia sejajar dengan bentuk filem komedi P.Ramlee contohnya siri Bujang Lapok dan Hollywood?

Daripada diskusi di atas, beberapa persoalan dapat dikemukakan seperti:

- i. Adakah styl filem komedi P.Ramlee sejajar dengan filem komedi Hollywood?
- ii. Adakah filem-filem komedi moden Malaysia contohnya Buli mempunyai persamaan dengan filem komedi P.Ramlee dan Hollywood?
- iii. Adakah kebanyakan filem komedi moden Malaysia hari ini mengaplikasikan sepenuhnya aspek visual komedi sebagai formula?

### **1.3 Hipotesis**

Daripada persoalan-persoalan tadi, kita dapat merumuskannya kepada satu hipotesis seperti di bawah:

Filem komedi moden Malaysia seperti Buli mempunyai potensi untuk menjadi model filem komedi untuk Malaysia kerana ia mempunyai persamaan dengan filem komedi P.Ramlee dan filem komedi Hollywood.

### **1.4 Objektif**

Objektif kajian adalah untuk mencari model filem komedi moden terbaik untuk audien Malaysia sekarang dengan menganalisa aspek visual komedi dalam filem-filem komedi moden Malaysia, contohnya Buli.

### **1.5 Metodologi**

Pendekatan menganalisa model komedi filem P.Ramlee berdasarkan analisis yang dibuat oleh Dr. Khairul Aidil Azlin Abd. Rahman dan Nur Afifah Vanitha Abdullah dalam kertas kerja mereka, Analisa Kaedah Komedi Visual Dalam Filem-Filem Arahan P.Ramlee, Seminar Pemikiran Semula P.Ramlee. Kertas kerja mereka membentangkan teknik dan stail arahan filem komedi P.Ramlee.

Di samping itu, rujukan dibuat melalui buku-buku tentang komedi dan beberapa artikel dari internet berkenaan filem Hollywood dan filem komedi Malaysia, contohnya Buli. Selain itu juga, saya akan menonton dan menganalisa filem Hollywood, P.Ramlee dan Buli untuk menentukan jika ia mempunyai persamaan dari segi stail, teknik dan bentuk cerita.

## BAB 2: Jenis-Jenis Komedi

Merujuk kepada filem Hollywood, terdapat pelbagai jenis bentuk komedi seperti *slapstik*, *deadpan*, komedi *verbal*, *screwball*, *black/dark comedy*, *parody* atau *spoof*. Kesemua bentuk komedi ini mempunyai ciri-ciri dan aspeknya yang tersendiri.

### 2.1 Slapstik

Slapstik bermula sejak zaman filem bisu (*silent film*) lagi. Ia lebih menumpukan kepada cara lakonan dan mimikan anggota badan oleh kerana pada masa itu teknologi bunyi belum diaplikasikan dengan sepenuhnya. Slapstik popular di kalangan semua orang termasuk mereka yang tidak fasih berbahasa Inggeris ataupun yang tidak berpelajaran tetapi hanya memahami dengan melihat. Slapstik lebih bersifat primitif dan universal oleh kerana ia boleh menjadi luas, agresif, melibatkan fizikal dan aksi visual yang menyenangkan walaupun ia seakan-akan berbentuk kejam dan ganas. Ia berupa ala aksi badut yang sengaja memaksa penonton ketawa dengan mengajuk perbuatan, sikit-sikit jatuh, pukul kepala orang dan lain-lain. Lawak slapstik sering digabungkan dengan elemen Surrealisme atau tak logik. Contoh filem lama yang mengaplikasikan lawak slapstik ialah *Lauren and Hardy, Abbott and Costello* dan *The Three Stooges*. Filem baru pula adalah seperti *Dumb & Dumber*, *Ace Ventura-Pet Detective* dan *The Mask*.

### 2.2 Deadpan

Stail komedi ini merujuk kepada lakonan jenis *stoic* (*to endure pain and discomfort or trouble without complaining or showing signs of feeling it*). Ia telah dipopularkan oleh pelakon hero komik Buster Keaton melalui filem beliau seperti *The Saphead*.  
(Kristine Brunovska and Henry Jenkins 1995: 205)

### **2.3 Komedi Verbal**

Jenaka ini merujuk kepada cara jenaka ganas dan lucu pelakon W.C Fields, sifat seksual Mae West dan dialog lawak jenaka filem oleh Marx Brothers dan humor berasas dan bermakna oleh Woody Allen.

(sumber: [www.filmsite.org/comedy\\_films.htm](http://www.filmsite.org/comedy_films.htm))

### **2.4 Screwball**

Komedi screwball adalah *sub-genre* filem komedi romantik dan begitu popular pada tahun 1930-an sehingga pertengahan 1940-an. Secara amnya, *Screwball* bercirikan *farce*, lawak slapstik, *light-hearted*, *sophisticated*, plot cerita yang berbelit, perwatakan gila jenaka, dialog yang nakal, lucu dan cerita romantik yang melibatkan dua watak berlawanan; lelaki dan wanita daripada kelas sosial dan status berlainan terlibat dengan hubungan cinta sehingga membentuk keadaan yang pelik, lucu dan komikal. Katherina Hepburn, Ginger Rogers, Cary Grant dan Clark Gable adalah contoh pelakon filem komedi screwball. Filem terkenal *screwball* ialah *Twentieth Century* (1934) dan *It Happened One Night* (1934).

(Robert Sklar 1993: 211)

### **2.5 Black/Dark Comedy**

Komedi jenis ini;

*dark, sarcastic, humorous, or sardonic stories that help us examine otherwise ignored darker serious, pessimistic subjects such as war, death, or illness...*

(sumber: [www.filmsite.org/comedy\\_films.htm](http://www.filmsite.org/comedy_films.htm))

Contoh filem *Dark Comedy* adalah *Dr. Strangelove* oleh Stanley Kubrick yang memaparkan kegilaan institusi politik ketenteraan dan filem *M\*A\*S\*H* (1970) oleh Robert Altman yang bercirikan anti-peperangan semasa Perang Korea.

## 2.6 Parody atau Spoof

Komedи ini meniru dan mempergunakan stail-stail, formula, perwatakan dan genre filem-filem pelbagai jenis untuk digabungkan dan dijadikan sebuah bentuk filem komedi baru. Antara filem jenis ini adalah *Duck Soup* (1933) oleh Marx Brothers, *Blazing Saddles* (1974) oleh Mel Brooks dan yang baru kini seperti *Naked Gun*, *Hot Shot*, *Austin Powers*, *Scream* dan *Scary Movie*.

## 2.7 Bentuk Filem Komedи P. Ramlee

Filem-filem komedi P.Ramlee boleh dikatakan tergolong dalam komedi jenis Slapstik, *Deadpan*, Komedi *Verbal*, *Screwball* dan *Dark Comedy*. Dalam filemnya, beliau mengaplikasikan kaedah komedi visual yang boleh dibahagikan kepada lima kaedah utama:

### 2.7.1 Slapstik dan keganasan

Suatu lakunan yang lucu dan kelakar yang kasar, melibatkan pergerakan fizikal yang ketara. Komedi slapstik adalah untuk melakonkan kelakuan secara realiti dan spontan untuk menghasilkan unsur humor. Lakunan slapstik juga sering diiringi dengan kesan bunyi bagi memberi efek yang lebih kepada visual. Selain itu, P.Ramlee menggunakan kaedah penyataan melampau (*overstatement*) dan penyataan tidak sebenarnya (*understatement*) melalui komedi beliau. Contoh aksi *overstatement* ialah dalam filem *Do Re Mi* (1963) apabila A.R. Tompel membuat aksi yang sebenarnya ke atas A.K. Jalani dengan mengetuk

kepala dengan periuk. Aksi *understatement* pula boleh dirujuk melalui filem Madu Tiga (1964) apabila P.Ramlee hendak membunuh diri dengan terjun ke dalam sungai yang sebenarnya air sungai yang cetek.

(Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman dan Nur Afifah Vanitha Abdullah, 2003)

### **2.7.2 Ghaib dan Surrealisme**

Fenomena ghaib dan bersifat surrealisme adalah tidak realistik tetapi ia boleh dianggap lucu dalam filem komedi P.Ramlee. Ia bersifat tidak masuk akal dan luar di jangkaan fikiran manusia. Contohnya apabila sesuatu objek boleh menjelma dengan sekelip mata seperti dalam babak filem Pendekar Bujang Lapok (1958) semasa hantu Jepun menjelma di atas kubur. Sifat surrealisme pula boleh dirujuk melalui filem Labu Labi (1963) semasa Labu dan Labi bermimpi dan berfantasi menjadi koboi dan binatang.

(Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman dan Nur Afifah Vanitha Abdullah, 2003)

### **2.7.3 Mengajuk dan Mengejek (Spoof)**

Dalam filem Labu Labi (1963), P.Ramlee telah meniru imej watak koboi *Jesse James* dan melalui filem Do Re Mi (1966) pula, watak *Zorro* ditiru sebagai seorang pencuri. Kebiasaananya, watak-watak seperti ini diubah menjadi perwatakan yang berbeza dan melucukan untuk dipermainkan atau diagung-agungkan.

(Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman dan Nur Afifah Vanitha Abdullah, 2003)

### **2.7.4 Mimik dan Bahasa Pergerakan Badan**

Mime adalah lakonan kejadian yang benar tetapi diperolokkan. Ia melibatkan membuat pergerakan anggota badan tanpa kata-kata untuk mengekspresikan watak. Contoh

jenaka ini boleh disaksikan dalam babak temuduga dalam filem Seniman Bujang Lapok (1961) apabila P.Ramlee, Sudin dan Aziz membuat aksi duduk di atas kerusi sambil hisap rokok dan minum kopi walaupun tiada kerusi.

(Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman dan Nur Afifah Vanitha Abdullah, 2003)

### 2.7.5 Jenaka dan Perwatakan

Penyerapan watak dalam komedi seperti sifat kebodohan, kasar, marah, agresif dan tidak hormat dapat melahirkan watak dan humor yang baru. Sebagai contoh dalam filem Seniman Bujang Lapok (1961) dalam adegan “*screen tests*” di mana Aziz Satar melahirkan watak yang baru dan bersifat agresif dan tidak hormat kepada pengarah Ahmad Nifsu.

(Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman dan Nur Afifah Vanitha Abdullah, 2003)

## 2.8 Kesimpulan Filem Komedи P.Ramlee

Kesemua aspek visual komedi ini adalah dirujuk daripada filem-filem komedi Hollywood kerana filem komedi telah lama wujud di Hollywood semenjak zaman filem bisu lagi (1920an). P.Ramlee hanya mula bergiat dalam filem komedi pada tahun 1960an. Tidak banyak bezanya *genre* komedi filem beliau dengan keluaran Hollywood tetapi tidak dapat dinafikan P.Ramlee telah mengubah dunia perfileman komedi di Tanah Melayu pada masa itu (lewat 1950 hingga 60an). Filem komedi beliau lain daripada filem komedi Melayu yang lain kerana jalan ceritanya dan dialog bahasa yang diolah dengan begitu kreatif dan menarik sehingga ia dapat diterima dengan luas di kalangan penonton yang pelbagai umur, mahupun dewasa atau kanak-kanak. Filem komedi P.Ramlee mengaplikasikan unsur komedi Hollywood dan diterapkan kepada budaya dan isu Malaysia.

## 2.9 Filem Komedi Moden Malaysia

Jika dilihat, filem komedi Malaysia masa kini belum dapat menandingi era filem komedi P.Ramlee dahulu. Kebanyakan filem-filem komedi Malaysia hari ini hanya bersahaja dan selamba sahaja, seakan-seakan tiada elemen komedi yang memuncak. Lawak jenaka biasanya lawak yang bodoh, melebih-lebih dan tidak berapa mencuit hati. Contoh filem komedi moden Malaysia era-90an yang berjaya mendapat perhatian penonton dan memenangi anugerah adalah Senario, Buli dan Pontianak Menjerit. Filem-filem seperti ini boleh dianggap filem komedi berjaya kerana bahasa dan skrip dialognya, watak pelakon, jalan cerita yang menarik dan mengandungi elemen visual komedi berkualiti. Filem-filem ini ada persamaan dengan gaya filem komedi P.Ramlee.

Tetapi, kebanyakan filem komedi Malaysia masa kini lebih tertumpu kepada sebilangan penonton sahaja terutamanya penonton Melayu. Jarang sekali filem komedi Malaysia hari ini dapat menarik perhatian penonton Cina dan India seumpamanya. Berlainan adatnya dengan zaman P.Ramlee dahulu apabila filem komedi beliau sangat terkenal di kalangan penonton pelbagai bangsa. Filem komedi P.Ramlee tidak ketinggalan zaman dan tidak bosan untuk ditonton walaupun beratus-ratus kali ditayangkan di televisyen.

Adakah filem komedi Malaysia sekarang hanya berteraskan kepada lawak kemelayuan sahaja dan tidak kepada sifat komedi kebangsaan? Kenapa mudah untuk rakyat dahulu dan juga sekarang menerima filem komedi P.Ramlee? Adakah sebab Malaysia hari ini kurang pelawak yang berkaliber dan skrip yang bijak? Kenapa tidak ada model komedi filem Malaysia moden hari ini berbanding filem komedi P.Ramlee dahulu yang dianggap sebagai model?

Sebenarnya, daripada pemerhatian pengkaji, tidak dinafikan bahawa filem komedi Malaysia hari ini banyak bersifat kemelayuan sahaja kerana kemungkinan para pembikin filem ingin mensasarkan lebih kepada golongan rakyat Malaysia khususnya kaum Melayu. Tetapi lain pula halnya jika dibandingkan dengan komedi P.Ramlee dahulu kerana filem beliau lebih diminati oleh pelbagai bangsa. Mungkin pada masa dahulu, filem merupakan satu-satunya sumber hiburan untuk masyarakat Malaysia berbanding hari ini yang mana teknologi digital telah membangun. Jadi, tidak mustahil dahulu masyarakat pelbagai bangsa lebih menumpukan perhatian terhadap filem, baik yang komedi atau tidak komedi. Kita harus tidak lupa juga bahawa dahulunya industri filem Malaysia (*Malay Film Productions Limited*) bertapak di Singapura yang penduduknya terdiri daripada pelbagai golongan.

Dari aspek pelawak pula, pengkaji merasakan bahawa tidak banyak pelawak komedi filem yang mampu menarik perhatian dengan lebih ramai berbanding dahulu. Pelawak filem Malaysia kini lebih bertumpu kepada golongan yang lebih muda dengan bahasa dan aksi komedi yang berbeza. Jika diperhatikan, golongan tua mungkin tidak ramai yang mengunjungi pawagam untuk menonton, hanya para remaja dan dewasa sahaja.

Jika dahulu filem komedi P.Ramlee mungkin dianggap model di kalangan ramai sebab tidak ramai pengarah yang mampu membuat cerita komedi seperti beliau. Pada hari ini, ada beberapa pengarah komedi Malaysia seperti Afdlin Shauki, Prof. Razak Mohaideen, Aziz M. Osman yang masing-masing mempunyai stail tersendiri. Tetapi, pengkaji berpendapat bahawa masih juga belum ada satu-satunya model filem komedi moden Malaysia hari ini kerana disebabkan variasi yang wujud dalam filem komedi oleh pelbagai pengarah. Kemungkinannya, variasi ini secara tidak langsung telah mewujudkan golongan penggemar filem untuk menonton filem komedi pengarah yang tertentu sahaja, mengikut minat mereka.

## BAB 3: Analisis Filem

### 3.1 Analisa Filem Komedi Hollywood: Dumb and Dumber

Filem *Dumb and Dumber* adalah filem komedi arahan The Farrelly Brothers. Ia berkisahkan tentang dua watak bodoh tetapi pintar dalam beberapa aspek. Filem ini mempunyai unsur '*road-comedy*' oleh kerana dua watak ini menjelajah ke beberapa tempat dengan sebuah van-anjing hanya untuk mengembalikan beg yang berisi duit yang ditinggalkan oleh seorang wanita. Dalam perjalanan, mereka hadapi pelbagai dugaan daripada pelbagai jenis watak, baik atau jahat.

Komedi dalam filem ini lebih menjurus kepada personaliti watak Harry (Jeff Daniels) dan Lloyd (Jim Carrey) dan perlakuan bodoh mereka. Namun begitu ia tidak memaparkan individu yang bodoh perlakuan sahaja tetapi di sebaliknya adalah dua individu yang begitu serius, jujur dan penuh bersemangat dalam mengharungi kehidupan mereka, walaupun mereka adalah golongan masyarakat sederhana.

Watak Lloyd, lakonan Jim Carrey dengan gigi retak, ekspresi muka pelbagai, komedi fizikal dan stail rambut ala mangkuk cukup menghidupkan keadaan yang komik. Ditambah pula apabila watak berdialog yang mempunyai idea yang bernas tetapi kadang-kadang bodoh dan mencuitkan hati. Begitu juga dengan watak Harry, lakonan Jeff Daniels yang rambutnya berserbut dan pemikirannya dan aksi komedinya lebih lembap dan perlahan berbanding Lloyd. Ada waktu tertentu, watak Harry pula lebih menonjol daripada Lloyd. "*Comic characters are usually singular figures, loners, denied membership in normative society and its rewards.*" (GOLLIN, 1992; hlmn-124). Harry dan Lloyd adalah jenis individu yang tidak

pandai bersosial normal dan betul seperti biasa dan hanya cenderung atau minat kepada watak perempuan.

Banyak lawak bodoh diketengahkan. Lawak slapstik, *farce*, dialog nakal watak komedi dicampurkan untuk menguatkan filem ini. Ditambah juga elemen fantasi atau *surreal* di dalam babak mimpi Lloyd semasa dia membelasah watak jahat yang mengganggunya makan malam dengan watak wanita (Lauren Holly). Unsur tidak logik berlaku di sini apabila Lloyd merobek keluar jantung watak jahat. Babak lawan ini cukup membuat orang ketawa apabila menonton filem tersebut.

### **3.2 Analisa Filem Komedi Seniman Bujang Lapok**

Filem Seniman Bujang Lapok adalah filem komedi melayu klasik yang diarahkan oleh Tan Sri P. Ramlee pada tahun 1961. Secara abstraknya, filem ini membawa kita kepada cara pemikiran orang golongan bawahan dan orang atasan. Seniman Bujang Lapok menunjukkan bagaimana kehidupan orang yang sederhana kehidupannya ingin mencapai kejayaan dalam hidup. Dalam dunia realiti, golongan atasan/berada sering memandang rendah dan tidak berlaku adil terhadap orang bawahan. P.Ramlee menerapkannya isu ini dalam jenis visual komedi.

Pada pemikiran pengkaji, sesetengah orang bawahan lebih menikmati hidup yang sederhana dan bersifat berperikemanusiaan. Watak golongan miskin atau sederhana yang dilakukan oleh P. Ramlee, Aziz Sattar dan S.Shamsuddin menunjukkan keadaan sebilangan masyarakat penduduk Malaysia pada masa itu. Golongan seperti ini juga menjadi bahan ketawa atau sindiran oleh golongan yang lebih berada. Selain itu, P.Ramlee menerapkan elemen perkauman iaitu Melayu, Cina, India dan Singh. Masing-masingnya mempunyai jenis cerita atau kehidupan yang berlainan. Dalam setiap babak yang melibatkan kaum Melayu, kaum India dan watak apek Cina, P.Ramlee menjadikan sesuatu peristiwa serius yang berlaku kepada sesuatu elemen yang berkomedi, tetapi disulami pengajaran dan mesej dalam komedinya. Bahasa campuran yang digunakan menambahkan lagi humor kepada cerita.

Seperti juga filem-filem komedi P.Ramlee yang lain misalnya Labu-Labi dan Laksamana Do Re Mi, beliau menyuntik sifat surrealisme ke dalam Seniman Bujang Lapok, iaitu unsur tidak logik dalam suatu babak apabila motosikal tergantung di atas bumbung rumah secara magis. Ini untuk menyerikan lagi kelucuan dalam filem ini.

Aksi lakonan dan dialog dalam filem ini berunsur slapstik iaitu secara mudah, spontan dan kadang-kadang kasar. Humor yang terbentuk melalui lakonan pelbagai karektor, ekspresi muka dan dialog diiringi dialek bahasa Melayu, Cina dan India yang lucu cukup memberi elemen kelucuan yang begitu bersahaja dan nampak benar. Adakalanya, watak bercakap dengan kamera secara komedi, seolah-olah berinteraksi dengan orang yang menonton. Menurut Dirks, “*The comedy genre humorously exaggerates the situation, the language, action and characters.*” (Sumber Internet; Tim Dirks (1996-2005))

Dari segi teknik *editing*, pengkaji merasakan teknik *editing* adalah kurang sesuai pada beberapa adegan. *Editing point* tidak begitu tepat dan tidak seiring dengan lakonan. Ini dilihat melalui babak apabila Bujang Lapok pulang ke rumah menggunakan teksi tetapi hanya menyedari keadaan rumah terbakar apabila memandang kejadian walaupun jeritan orang telah kedengaran untuk waktu yang lama. Walaupun nampak ganjil tetapi ia membuatkan babak tersebut lucu. Mungkinkah ia disengajakan?

Melalui pemerhatian pengkaji juga, tidak banyak kesan bunyi komedi digunakan. Hanya latarbelakang muzik dan watak menyanyi lagu dengan irungan muzik dimasukkan sebagai penyeri cerita. Dalam mana-mana filem komedi P.Ramlee, babak nyanyian dan aksi atau tarian yang berjenaka pasti ada. Watak menyanyi dalam filem adalah biasa pada zaman kegemilangan filem Melayu dahulu kerana pengaruh dari Hollywood dan juga Bollywood.

Jika dibandingkan dengan siri filem Bujang Lapok yang pertama, pendekar Bujang Lapok dan Ali Baba Bujang Lapok, filem Seniman Bujang Lapok lebih menjurus kepada sebuah cerita komedi normal yang berlaku dalam kehidupan manusia seharian. Bujang Lapok pertama hanyalah cubaan pertama P.Ramlee dalam siri ini dan tidak banyak lawak diketengahkan, tetapi lebih kepada drama. Pendekar Bujang Lapok pula lebih bersifat purba